

D.R. 26/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memotong takrif "Kawasan Perbadanan Putrajaya";
dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "Pesuruhjaya Polis"
takrif yang berikut:

' "Presiden" ertinya Presiden Perbadanan Putrajaya yang dilantik di bawah seksyen 5 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];'.

Pindaan seksyen 4

3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Kawasan Perbadanan Putrajaya" dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Putrajaya".

Pindaan seksyen 65

4. Subseksyen 65(7) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Kawasan Perbadanan Putrajaya" dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Putrajaya".

Pindaan seksyen 67

5. Seksyen 67 Akta ibu dipinda dalam takrif "pihak berkuasa yang berkenaan" dalam perenggan (e) dengan menggantikan perkataan "Kawasan Perbadanan Putrajaya" dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Putrajaya".

Pindaan seksyen 113

6. Subseksyen 113(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Kawasan Perbadanan Putrajaya" dengan perkataan "Wilayah Persekutuan Putrajaya".

Pindaan seksyen 120

7. Seksyen 120 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perenggan (cc) dengan perenggan yang berikut:

"(cc) Presiden atau mana-mana pegawai Perbadanan Putrajaya yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatannya untuk tujuan tersebut oleh Presiden;" dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Dalam seksyen ini, "pihak berkuasa yang berkenaan" mempunyai erti yang sama seperti dalam seksyen 67."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 ("Akta 333").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 333 dengan memotong takrif "Kawasan Perbadanan Putrajaya" kerana kawasan itu kini dikenali sebagai Wilayah Persekutuan Putrajaya akibat daripada pindaan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*]. Berikutan pindaan yang dicadangkan ini, seksyen 4, 65, 67 dan 113 Akta 333, adalah juga dicadangkan dipinda melalui *fasal 3, 4, 5 dan 6* masing-masing. *Fasal 2* juga bertujuan untuk memasukkan takrif "Presiden".

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 120 Akta 333 untuk meminda perenggan (*cc*) untuk memberi kuasa kepada Presiden Perbadanan Putrajaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Presiden, untuk mengkompaun kesalahan tertentu terhadap Akta 333 dan menggantikan subseksyen (3).

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2509]